

20 universiti awam haramkan guna vape

➤ Semua 20 universiti awam bersetuju mengharamkan penggunaan vape atau rokok elektronik di kampus masing-masing.

➤ Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, keputusan itu dicapai dalam mesyuarat naib-naib canselor dari 20 universiti berkenaan pada Jumaat lalu.

➤ Katanya, arahan larangan penggunaan vape itu dikuatkuasakan kerana pihak universiti mahu menjadikan kawasan kampus sebagai 'zon hijau' selepas rokok diharamkan.



BERITA DI MUKA 12



IDRIS JUSOH (dua dari kiri) menyalakan obor perasmian Sipma 2015 sambil diperhatikan Azlan Man (tiga dari kiri) dan Mary Yap Kain Ching (kanan) di Kangar, Perlis, semalam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

20 universiti awam haramkan guna vape

Oleh **SHOLINA OSMAN**
 pengarang@utusan.com.my

■ **KANGAR 22 NOV.**

SEMUA 20 universiti awam (UA) bersetuju mengharamkan penggunaan vape atau rokok elektronik diharamkan di kampus masing-masing, kata Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh.

Beliau berkata, keputusan itu dicapai bersama oleh naib-naib cancellor di 20 universiti berkenaan yang bermesyuarat Jumaat lepas.

Katanya, arahan larangan penggunaan vape itu dikuatkuasakan kerana pihak universiti mahu menjadikan kawasan kampus sebagai 'zon hijau'.

Idris berkata, penggunaan vape adalah larangan terbaru selain pihak universiti telah lama menjadikan kawasan kampus bebas daripada merokok.

"Perkara ini telah diputuskan oleh naib cancellor (NC) masing-masing yang memang mempunyai autonomi untuk melaksanakan sebarang peraturan tanpa melibatkan campur tangan kerajaan," katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Sukan Institusi



Perkara ini telah diputuskan oleh naib cancellor (NC) masing-masing yang memang mempunyai autonomi untuk melaksanakan sebarang peraturan tanpa melibatkan campur tangan kerajaan."

IDRIS JUSOH
Menteri Pendidikan Tinggi

Pendidikan Malaysia (Sipma) Ke-6 2015 anjuran Kementerian Pengajian Tinggi yang dikelolakan Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti di Dewan 2020 di sini malam tadi.

Yang turut hadir Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mary Yap Kain Ching; Menteri Besar, Datuk Seri Azlan Man dan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, Datuk Amir Md. Noor.

Antara universiti yang terlibat dalam pengharaman itu ialah

Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) serta Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Mengenai sukan dalam kalangan pelajar universiti, Idris berkata, kerajaan menyediakan banyak insentif dan kemudahan selain pengecualian tertentu kepada atlet yang aktif untuk menggalakkan mereka mencapai kejayaan cemerlang dalam bidang sukan.

Malah, katanya, lebih separuh pingat yang diperoleh kontinjen negara dalam Sukan SEA disumbangkan oleh atlet dalam kalangan pelajar terutamanya pelajar universiti.

"Kerajaan memang mengiktiraf kejayaan pelajar dalam bidang sukan. Ini dapat dilihat melalui banyak insentif dan penganugerahan disediakan untuk mereka agar lebih produktif," katanya.

Kejohanan yang bermula semalam sehingga 28 November ini disertai 994 atlet yang akan bertanding dalam tujuh acara iaitu renang, olahraga, badminton, tenis baling, bola sepak, squasy dan hoki.

SENARAI 20 UNIVERSITI HARAMKAN VAPE

- > **Universiti Malaya (UM)**
- > **Universiti Sains Malaysia (USM)**
- > **Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**
- > **Universiti Putra Malaysia (UPM)**
- > **Universiti Teknologi Malaysia (UTM)**
- > **Universiti Teknologi MARA (UiTM)**
- > **Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA)**
- > **Universiti Malaysia Sabah (UMS)**
- > **Universiti Malaysia Sarawak (Unimas)**
- > **Universiti Utara Malaysia (UUM)**
- > **Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)**
- > **Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)**
- > **Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)**
- > **Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)**
- > **Universiti Malaysia Terengganu (UMT)**
- > **Universiti Malaysia Pahang (UMP)**
- > **Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)**
- > **Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)**
- > **Universiti Malaysia Kelantan (UMK)**
- > **Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)**